



Rakan sepejabat menduakan suami

Kita perlu bertindak atas dasar ikhlas, sama ada membaiki keadaan atau sebaliknya

SOALAN
SAYA seorang remaja yang baru saja menceburi dunia pekerjaan. Masalah ini membabitkan seorang pekerja lain. Sebagai pekerja baru, saya perlu bersikap ramah dengan semua pekerja untuk membina pengalaman. Alhamdulillah semuanya baik manakala ramai pekerja perempuan juga sudah berkahwin.

Masalahnya, ada seorang pekerja (saya gelarkan sebagai B) yang berkahwin namun suka menduakan suami. B tidak mempunyai anak dan ramai rakan lain menceritakan keburukan sikapnya malah ada mengatakan dia terlanjur, cuma suami B tidak mengetahuinya. Saya bengang dengan keadaan ini dan pernah mahu memberitahu suaminya namun rasa serba salah.

B juga sering mengambil cuti untuk bersama kekasihnya tanpa alasan munasabah. Saya tidak selesa dengan keadaan ini.

MELUAT, Pulau Pinang

JAWAPAN
Mengenai B, yang selalu mengambil cuti, adalah menjadi tanggungjawab ketua pejabat untuk

mengambil tindakan wajar kepadanya. Sama ada salah atau tidak adik menceritakan sikap curang B ini kepada suaminya atau lebih baik mendiamkan diri bergantung kepada beberapa perkara. Antaranya ialah niat adik mengapa suami B perlu diberitahu. Tanya diri sama ada adik ingin memberitahu suami B kerana ingin membantu atau hanya

untuk memburukkan keadaan. Kedua ialah cara terbaik bagaimana memberitahu kecurangan B. Seterusnya adakah adik mempunyai bukti sebenar akan tindak tanduk B bersama kekasihnya. Adik juga perlu memikirkan apakah kemungkinan yang akan berlaku sama ada terhadap B atau suaminya.

Keikhlasan adalah antara elemen penting dalam sebarang tindakan yang akan adik ambil. Jika ia untuk kebaikan, ia memang digalakkan. Sebaliknya, jika adik lakukan atas tujuan buruk atau atas tujuan membalas dendam, adik perlu mengambil tindakan yang tidak mengundang sebarang kesan buruk kepada diri adik.

Pekerja 'gila' angkara bos tak adil

SOALAN
SAYA mulakan soalan dengan satu pertanyaan yang lama dipendam. Saya sering tertanya-tanya adakah saya dilahirkan sebagai malang. Saya juga pernah menyalahkan takdir atas apa yang berlaku. Hati selalu hiba mengenangkan nasib yang seperti banyak kali jatuh ditimpa tangga. Kisah hidup saya bermula apabila mula bekerja di syarikat tempat saya bekerja ini empat tahun lalu. Mula-mula saya gembira bekerja di sini. Rakan-rakan sekerja menerima saya dengan baik dan saya pun tiada masalah dengan kerja yang dilakukan. Sebagai seorang pegawai, tugas yang saya lakukan memang bersesuaian dengan kelayakan dan minat saya. Bos seorang wanita juga seorang yang baik dan pandai memimpin. Namun, segalanya bertukar menjadi tragedi sedih apabila saya mendapat bos baru (A) tiga tahun lepas. Bos baru ini tidak pernah menghargai apa yang saya buat di pejabat. Setiap masa saya berusaha untuk menjadi pekerja yang baik tapi masih lagi tidak mendapat perhatiannya. Saya seolah-olah halimunan dan tidak wujud. Apa yang menyedihkan ialah bos mempunyai seorang pekerja yang amat disayangi (B) dan

sentiasa mendengar kata-kata B. Saya tiada apa-apa masalah dengan B cuma tidak selesa dengan sikap sombong dan bongkaknya. Saya berpendapat B bertindak demikian kerana tahu bos suka dan sentiasa mengikuti cakapnya. B juga mempunyai ijazah sarjana, satu aset yang beliau sentiasa bangga-banggakan di pejabat. Selalu juga saya terfikir hendak bertukar kerja tapi memikirkan terlalu sukar untuk mendapat pekerjaan sekarang ini, saya matikan saja niat itu. Saya juga mempunyai tanggungjawab yang agak berat kerana saya adalah anak sulung dalam keluarga. Untuk pengetahuan setiap bulan, saya mengirim sejumlah wang kepada keluarga di kampung. Saya merasakan sudah menjadi tanggung jawab saya untuk menjadi anak yang baik dengan mengurangkan bebanan ayah menyara keluarga. Namun apa yang saya alami di pejabat hampir membuatkan saya 'gila'.

rusuk. Apatah lagi dengan bermacam-macam kebaikan dan usaha yang telah adik lakukan. Dr mengerti kekecewaan adik apabila melihat sahabat begitu dominan mendapat segala perhatian dan keistimewaan bos. Merasa dihargai dan mendapat pengiktirafan adalah antara asas keperluan psikologi manusia. Ahli psikologi menjelaskan jika individu tidak mendapat penghargaan sepatutnya, akan terasa kelompangan dalam hidupnya. Dr berterima kasih kepada adik kerana menjadi anak yang baik dan bertanggungjawab kepada keluarga. Dr berharap adik akan terus dengan sikap mulia ini. Mengenai sikap bos adik yang pilih kasih, natijahnya, kita tidak boleh paksa orang lain untuk menyukai kita kerana kita tidak berupaya mengawal pemikiran dan tingkah laku orang lain. Apa yang boleh kita kawal ialah segala aspek yang ada pada diri kita. Individu tidak perlu sebarang sebab untuk menyukai orang lain. Memang terdapat orang yang tanpa apa-apa sebab tidak disukai walau bagaimana baik pun individu itu. Tidak perlu sebab

untuk disukai atau dibenci walaupun secara logiknya ia seperti sesuatu yang tidak masuk akal, Menjadi pemimpin bukanlah mudah. Benar, pemimpin yang baik ialah pemimpin yang adil. Sifat adik adalah sifat yang memang dituntut oleh Islam ke atas setiap pemimpin. Banyak ayat al-Quran yang menyokong keadilan seorang pemimpin. Sebagai manusia yang dikurniakan pelbagai perasaan, pemimpin tidak lari dari mempunyai sifat yang baik dan buruk. Kebijaksanaan seorang pemimpin ialah apabila dia dapat menterjemahkan sifat baik ke dalam tugasnya sebagai seorang pemimpin. Sifat yang buruk akan diusahakan untuk tidak diamalkan dan dia belajar untuk menukar yang buruk kepada yang baik. Namun, ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan. Ia memerlukan orang yang benar-benar hebat untuk menjadi pemimpin yang dapat melihat dengan mata hati dan menterjemahkan segala yang baik dalam kepimpinannya. Menyalahkan takdir atas apa yang berlaku hanya akan lebih membuatkan adik merasakan tertekan,

Adik akan lebih melihat dunia ini sebagai tempat bagi orang yang kuat dan pandai membodek. Ada ahli psikologi mengatakan "kita ialah apa yang kita fikirkan". Jika kita merasakan kita seorang yang hebat, hebatlah kita. Jika bos adik tidak melihat kehebatan adik, anggap saja bos adik yang mempunyai masalah bukan adik. Jika adik melihat diri mempunyai banyak keistimewaan, hakikatnya adik seorang yang hebat. Mempunyai pemikiran sebegini boleh mengurangkan kepedihan. Ia adalah satu mekanisme membela diri dan banyak digunakan. Bagaimanapun, ini tidak bermakna adik boleh membuat sesuka hati ada asalkan adik rasa adik hebat. Ia juga perlu selari dengan tindakan adik sebagai pekerja yang baik. Seorang ketua mempunyai pelbagai alasan apabila membuat satu keputusan. Ketua juga mempunyai sebab-sebab tertentu apabila menyukai orang bawahannya. Sama ada alasan yang dipilih itu baik atau tidak, itu merupakan keputusan dirinya. Biarlah dia bertanggungjawab atas keputusan yang dibuat.

Seorang ketua yang tidak pandai memimpin akan pandai tanggungjawabnya kelak. Untuk mengurangkan kesakitan psikologi yang adik rasakan, salah satu cara ialah dengan memberi fokus kepada perkara yang mengembirakan dan melupakan yang sebaliknya. Kerja adalah hanya sebahagian daripada kehidupan. Banyak kagi perkara kehidupan yang perlu diberi perhatian. Contohnya ialah keluarga, rakan-rakan, bermasyarakat, mempunyai hobi dan kesejahteraan diri. Kesemua ini akan membentuk satu keseluruhan kehidupan yang akan menentukan bahagia atau tidaknya hidup kita. Individu yang terlalu memberi perhatian kepada kerjanya, mengikut ahli psikologi Gestalt, tidak melihat kehidupannya secara holistik. Apabila bahagian hidupnya tidak penuh, individu akan mempunyai masalah psikologi. Menjadi "gila" hanya kerana masalah dalam pekerjaan bukanlah satu yang menyeronokkan. Dr yakin dapat mengasingkan masalah di tempat kerja dengan kehidupan di luar lingkungan kerja.

PEKERJA TERTEKAN, Negeri Sembilan.

JAWAPAN
DR empati dengan adik. Menjadi orang yang seolah-olah tidak wujud adalah satu penyiksaan yang amat sangat. Terasa pilu dan luka hingga ke tulang